

Utusan M'sia (Timur) Sabtu 18/7/09 m/s 27

**Majlis Kumpulan Inovatif dan Kreatif**

Tarikh: 18 Julai 2009  
Masa: 9:00  
Dewan Bankuet,  
Pusat Pembangunan dan Pengurusan Kualiti

NIK Mustafa Raja Salleh (tengah) menyampaikan sijil SS kepada Bendahari UMP, Zainudin Othman (kiri) sambil diperhatikan Daing Nasir Ibrahim (kanan) pada Majlis Pelancaran KIK dan penyampaian Sijil Amalan SS di Gambang, Kuantan, semalam.

## UMP tubuh KIK tingkat produktiviti

KUANTAN 17 Julai – Universiti Malaysia Pahang (UMP) menubuhkan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) bagi meningkatkan mutu pengurusan, pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan di universiti itu.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, KIK mempunyai tanggungjawab berat dalam memastikan sistem penyampaian UMP yang terbaik diberikan kepada pelanggannya.

"Ini akan membantu universiti mempertingkatkan kualiti perkhidmatan dan produktiviti kerja sehari-hari."

"UMP merancang pelbagai inisiatif termasuk Agenda Transformasi Pengurusan dan Pentadbiran yang bermula tahun lalu dan kini diperkakasan dengan penubuhan KIK," katanya.

Beliau berucap melancarkan KIK dan penyampaian Sijil Amalan SS di Dewan Bankuet UMP hari ini.

Pada majlis itu, empat jabatan di UMP iaitu Jabatan Bendahari, Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Harta, Makmal Fakulti Kejuruteraan

Kimia dan Sumber Asli serta Pusat Pembangunan dan Jaminan Kualiti Akademik menerima Anugerah Persejilan Amalan SS.

Hadir sama ialah Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Pantai Timur, Nik Mustafa Raja Salleh; Pengurus MPC, Kamrozaman Cassim, Pengarah Pusat Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti UMP; Profesor Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz serta Pendaftar UMP yang juga Pengurusi Jawatankuasa Induk KIK, Mustafa Ibrahim.

Daing Nasir memberitahu, KIK dianggotai sekumpulan fasilitator dan 30 kakitangan UMP bagi menggembangkan kreativiti untuk menghasilkan penyelesaian yang inovatif.

Sementara itu, Mustafa berkata, penubuhan KIK bermatlamat mengurangkan pembaziran, menyelesaikan aduan pelanggan dan meningkatkan motivasi kerja.

"KIK mampu mewujudkan hubungan harmoni antara kakitangan dan pengurusan serta mewujudkan kerja berpasukan yang efektif," katanya.